

Langkah Kotor Harry Lee Kuan Yew bersama-sama PETIRnya.

Umum telah mengetahui sebelum pilihan raya yang lalu PETIR cuba mengambil kerjasama dengan UMNO memecahkan perpaduan UMNO di dalam Perikatannya dengan M.C.A. tetapi langkah buruk ini cepat diketahui oleh UMNO. Dengan itu maka dasar memecahkan perpaduan yang sudah berjalan dan terikat begitu erat di antara UMNO dengan Perikatannya tidak dapat dipecahkan oleh Lee Kuan Yew dengan PETIRnya.

(Oleh penulis khas kita)

Dengan adanya sifat-sifat hendak mencari kawan dan di dalam mencari kuasa itu tidak dapat Harry Lee dengan PETIRnya bersendirian lalu ia mencari rakan-rakan yang difikirkannya boleh bekerjasama dan boleh diperalat untuk merebut kuasa dan untuk memerintah.

Mula-mula Lee Kuan Yew untuk meruntuhkan kerajaan Lim Yew Hock dan partinya, ia mengambil orang kiri untuk bekerjasama. Apabila mereka berjaya maka untuk menunjukkan “ketulusannya” orang-orang kiri itu – yang di antaranya sangat berpengaruh telah berada di dalam tahanan, diusahakannya supaya dikeluarkan dari tahanan dan diberi jawatan-jawatan bersama-sama dalam masa PETIR memerintah.

Apabila PETIR terasa bahawa kedudukannya kuat dan boleh berdiri sendiri maka rakan-rakan yang menjadi tulang belakangnya itu langsung dikebelakangkan dan dengan itu berpecah-belah penyokong-penyokong PETIR itu menjadi dua golongan, (1) tetap di dalam PETIR di bawah Lee Kuan Yew (2) timbul barisan sosialis yang menentang dasar-dasar PETIR. Ertinya, orang-orang barisan sosialis itu ialah daripada rakan-rakan Lee Kuan Yew. Mana-mana yang ada tinggal bersama-sama PETIR pula satu demi satu diketepikan dan di antaranya orang-orang yang pernah berjasa kepada mereka telah ditangkap dan ditahan. Sifat ini samalah sebagai sifat “lepas jambatan, buang

tongkat” – sifat yang sangat buruk bagi sifat kemanusiaan.

Apabila sampai pilihan raya yang kedua, Lee Kuan Yew khuatir kepada kejadian yang akan didapat oleh barisan sosialis dan kerana itu ia berharap supaya Tunku Abdul Rahman mengambil perhatian di dalam keadaan itu dan meminta orang-orang Perikatan di Persekutuan jangan mengambil peranan di dalam masa mengadakan pilihan raya itu kerana mungkin akan memecahkan undi yang akan didapatnya. Lee Kuan Yew berjaya di dalam pilihan raya itu sehingga di tempat-tempat UMNO sendiri dapat diruntuhkan. Radio dan televisyen dijadikannya alat propaganda bagi mempengaruhi rakyat yang tidak mengerti apa di sebalik propaganda itu.

Kemudian apabila ia mendapati bahawa masuknya Singapura dalam Malaysia yang tadinya disangkanya membawa keuntungan kepadanya dan dapat meletakkannya duduk dalam salah sebuah kementerian di dalam Kerajaan Pusat sebagai seorang menteri tetapi apa yang diharapkannya tidak dapat maka perasaan tidak puas hati kepada Kerajaan Pusat mulai timbul dan mulailah ia mengadakan propaganda-propaganda anti Kerajaan Pusat dan kemudian memburuk-burukkan pimpinan di kerajaan Pusat terutamanya yang terdiri dari orang-orang Melayu.

Dakyahnya dihidupkan dengan menghidupkan *Malaysia bagi Malaysian* itu tujuannya menimbulkan dua perkara yang jelas dikatakan oleh Lee Kuan Yew bahawa kerana sekarang yang memerintah di Pusat, menteri-menterinya kebanyakan dari orang Melayu dan Perdana Menteri orang Melayu lalu ia menyatakan bahawa dia tidak mahu terletak di bawah pemerintahan Melayu. Ini menimbulkan perkara-perkara yang tersebut di bawah ini yang mungkin menjadi tujuan rangka dakyah Lee Kuan Yew kononnya mendasarkan perjuangan “sosialis yang bukan komunis”:

1. Tidak mahu pemerintahan Melayu, ertinya tidak mahu ada Raja-raja Melayu dan tidak mahu adanya Yang di-Pertuan Agong daripada orang Melayu. Dasar sosialisnya mahukan pemerintahan rakyat dan kerana itu hapuskan pemerintahan beraja terutamanya terdiri dari orang Melayu.

2. Mencari jalan supaya Perdana Menteri Malaysia terbuka kepada orang yang bukan Melayu dan menteri-menteri besar kerajaan-kerajaan negeri yang beraja hendaklah dibukakan kepada orang-orang yang bukan Melayu.

3. Perpaduan UMNO dengan Perikatan hendaklah dipecahkan dan dengan itu apa juga yang diperbuat untuk kebaikan bersama yang disetujui oleh orang Melayu adalah menjadi tulang yang tersengkang di leher Lee Kuan Yew terutamanya apabila Kerajaan Pusat sedang mengusahakan hak-hak istimewa itu untuk menegakkan kedudukan orang Melayu dengan Rancangan Luar Bandar dan Rancangan Bumiputera yang baru-baru ini mula dilaksanakan. Sambutan “UMNO itu Melayu, Melayu itu UMNO” – adalah sangat dibenci dan dipandang oleh Lee Kuan Yew sebagai suatu perkara yang berbahaya, ertinya yang demikian itu mengikat perpaduan umat Melayu dan membuka jalan bagi orang Melayu menuntut hak-haknya.

4. Bagi meruntuhkan kekuatan persatuan orang Melayu ini, yang umumnya dan boleh dikata semua beragama Islam maka PETIR sekarang berjalan dan berusaha untuk memecahkan perpaduan umat Islam itu dengan:

(A) mengutuk akhbar-akhbar atau majalah-majalah Melayu yang bertulis Jawi kerana katanya bahasa kebangsaan hendaklah ditulis dengan Rumi. Akibat daripada langkahnya ini menimbulkan penghapusan huruf Jawi dan penghapusan kecenderungan umat Melayu kepada agamanya, Islam, yang dengan sifat Lee Kuan Yew sebagai orang Kristian tentu tidak senang melihat ada perpaduan umat Islam. Ia di Singapura telah menolak lima *scholarship* agama yang diuntukkan bagi pelajar-pelajar Islam belajar di Azhar dan memberi syarat kepada derma pungen biasiswa peringatan Mawlid Nabi hendaklah diberikan kepada orang-orang yang bukan Islam –

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh

QALAM

356/358, GEYLANG ROAD

SINGAPORE 14

kalau tidak dikatakan derma itu tidak dibenarkan dikutip di Singapura. Tetapi dalam pada itu, dia tidak mengkritik tulisan Tamil dan tulisan Cina digunakan pada hal orang tidak mengerti walau sedikit pun apa yang ditulis oleh mereka.

(b) Secara kebetulan kebanyakan pemimpin-pemimpin yang “membelasah” Lee Kuan Yew yang keras sekali terdiri daripada orang Melayu yang berketurunan Arab yang mengikut takrif di Persekutuan Tanah Melayu adalah mereka Melayu yang diangkat dengan adanya agama Islam. Dengan adanya takrif ini sudah tentulah Lee Kuan Yew dan golongannya sama ada yang beragama menyembah api, Buddha atau Kristian tidaklah dapat diiktiraf sebagai orang Melayu. Kerana itu sekarang Lee Kuan Yew dengan rakan-rakannya dan orang-orang Melayu yang menjadi alatnya di dalam PETIR menghidupkan perkara peristiwa-peristiwa takrif yang berlaku di Singapura dahulu (pada tahun tiga puluhan) yang menghidupkan adanya D.K.K. (Darah Keturunan Keling), D.K.A. (Darah Keturunan Arab) iaitu takrif yang akan memecahkan perpaduan umat Melayu dan Islam yang sangat berbahaya kepada keselamatan umat Melayu yang akan datang. Kerana itu umat Melayu wajib memerhati atas perbuatan Lee Kuan Yew yang hendak melemahkan kedudukan dan perpaduannya bagi menguasai seluruh Tanah Melayu.

(j) Langkah-langkah yang diperbuat oleh Lee Kuan Yew ini tidak lain daripada melihat bagaimana dengan serta-merta umat Islam bersatu-padu dalam kalimah tauhid *Lā ilaha illā ‘Allāh Muhammadu Rasūlu Allāh*

apabila terbit sesuatu peristiwa yang mendesak diri dan kehidupan mereka dari lapangannya. Kerana itu tidak ada jalan baginya bagi melemahkan umat Islam dengan memecah-mecahkan perpaduan itu dan mencari supaya umat Islam tidak lagi percaya kepada agamanya.

(d) Di seluruh Singapura diadakan sebaknya-banyaknya balai rakyat dan pemuda-pemuda Melayu digalak dan dibawa menghidupkan kebudayaan bersama – tari menari, joget-berjoget dan seumpamanya digalakkan dengan segala-galaknya untuk melanggar hukum-hukum Islam. Dengan itu setapak demi setapak orang Islam dijauhkan daripada agamanya supaya kesedaran di dalam Islam itu tidak meresap lagi di hati anak-anak Islam.

5. PETIR sentiasa menyebut kebebasan beragama bagi semua agama di Singapura ini tetapi suatu Rang Undang-undang nikah-kahwin dibuat bertentangan dengan ajaran Islam di antaranya yang besar sekali di atas dua perkara:

(a) Menegah seseorang beristeri lebih daripada satu dengan alasan yang diada-adakan bertentangan dengan agama Islam. Tujuannya tidak lain supaya umat Islam tidak berkembang biak tetapi sebaliknya lain-lain bangsa sungguhpun diperundang-undangkan berkahwin satu tetapi mereka tidak tertegah daripada mempunyai isteri tidak rasmi hingga berpuluh-puluh (isteri simpanan atau isteri kecil yang tidak bernikah) tetapi orang Islam tidak boleh berbuat demikian.

(b) Sungguhpun tidak dirasmikan tetapi kerajaan sangat menggalakkan, dengan menerusi rumah-rumah sakit dan klinik untuk menjarangkan beranak

(*birth control*). Doktor-doktor dan *nurse* digunakan untuk ini bagi menakut-nakutkan ibu-ibu Islam – kalau beranak lagi, kesihatannya akan rosak dan seumpamanya serta memandulkan siri. Tujuannya serupa seperti yang tersebut di atas supaya orang Islam berkurangan di negeri ini.

Daripada yang tersebut di atas ini dan banyak lagi perkara-perkara yang dibuat oleh Lee Kuan Yew dan kawan-kawannya bahkan ada pula di antaranya orang yang mengaku Islam menjadi alatnya nyata dan terang adalah ia menjadi musuh Islam kerana sesuatu yang berbau Islam sengahaja hendak dibenamkannya. Oleh itu sangat didukacitakan langkah kerajaan Pusat membiarkan orang yang seperti ini berleluasa membuka mulutnya selebar-lebarnya mencabar dan menista untuk

memecahkan perpaduan umat Islam. Sebaliknya Kerajaan Pusat nampaknya masih menggunakan kuasa menyekat orang Islam berkata-kata lebih tegas dan lebih tepat terutamanya daripada pemimpin-pemimpin di Persekutuan Tanah Melayu yang sepatutnya mesti dihantar ke Singapura ini bagi memberi penjelasan-penjelasan dan melawan dakayah-dakayah yang dibuat oleh Lee Kuan Yew. Lee Kuan Yew dibenarkan boleh masuk ke Persekutuan Tanah Melayu tetapi Datuk Syed Jaafar Albar khabarnya dinasihatkan jangan datang ke Singapura untuk memberi syarahan umum.

Adalah diyakinkan jika dibiarkan telatah Lee Kuan Yew ini pada suatu masa api yang kecil akan menjadi besar dan keamanan negara tidak terkawal. Takut bertindak maknanya membiarkan keamanan dan kesejahteraan akan binasa.

Orang Melayu Singapura terdesak hidup-nya!

Puncha-nya?:-

Bacha buku:

PERISTEWA-PERISTEWA SIASAH DI-TANAH MELAYU

OLEH : EDRUS

Harga-nya \$3.00 – Pos 15 sen

Qalam

356/8, GEYLANG ROAD

SINGAPURA 14.